

Headline	Persahabatan Malaysia, Indonesia perlu diperluaskan Duta Indonesia		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	06 May 2014	Language	Malay
Circulation	22,425	Readership	134,550
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	151 cm ²
AdValue	RM 302	PR Value	RM 906



Persahabatan Malaysia, Indonesia perlu diperluaskan: Duta Indonesia

SINTOK: Usaha menyemai semangat persahabatan antara Malaysia dan Indonesia tidak boleh terlalu menumpukan kepada saluran rasmi atau hubungan diplomatik sahaja tetapi perlu diperluaskan kepada aspek lain juga, kata Duta Besar Indonesia di Malaysia Herman Prayitno.

Katanya hubungan Malaysia dan Indonesia sudah terjalin sejak 57 tahun lepas tetapi sentiasa sahaja ada pasang surutnya, dan perkara ini tidak boleh dipandang mudah.

Beliau berkata sudah tiba masanya jalur kedua iaitu saluran lain selain hubungan rasmi dan diplomatik digunakan dalam mengukuhkan hubungan kedua-dua negara.

"Kita kena hidupkan hubungan seperti ini terutama dalam kalangan generasi muda yang akan memimpin Malaysia dan yang akan memimpin Indonesia pada masa akan datang...supaya rasa persahabatan dipupuk sejak muda. Apabila mereka jadi pemimpin di Malaysia dan Indonesia nanti, hubungan erat ini terjaga," katanya ketika ditemui di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini kelmarin.

Terdahulu beliau merasmikan Festival Malindo dan Perbincangan Meja Bulat "Peranan Jalur Kedua Diplomasi Dalam Hubungan Malaysia-Indonesia" selama dua hari bermula hari ini di UUM.

Herman berkata hubungan Malaysia dan Indonesia perlu sentiasa berada dalam keadaan baik.

"Kena ada usaha-usaha agar hubungan serumpun ini benar-benar rukun. Hatinya perlu ditautkan di masa akan datang supaya betul-betul serumpun...supaya takde rasa iri hati, curiga," katanya.

Katanya generasi muda perlu diingatkan bahawa persahabatan tidak terjadi dengan sendiri bagi memastikan hubungan yang ada sentiasa baik dan bertambah kukuh.

"Harapan kita pada masa akan datang persaingan bukan antara negara tetapi antara individu itu sendiri. Kita patut maju dan sejahtera bersama-sama. Ini perlu ditekankan kepada generasi muda," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM Prof Datuk Mohamed Mustafa Ishak berkata Malaysia dan Indonesia asalnya adalah serumpun tetapi kerana warisan kolonial Inggeris dan Belanda menyebabkannya terpisah menjadi dua negara.

Katanya UUM turut memainkan peranan yang penting bagi memastikan kelestarian hubungan antara kedua-dua negara terus erat. -Bernama